Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

LAPORAN LAWATAN PERSATUAN BAHASA MALAYSIA
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TUPAH

Pada hari Sabtu yang lalu, 3 ____1____2010, seramai 30 murid SJK(T) Ladang Tupah telah mengadakan lawatan sambil ___2___ke Kuala Lumpur. Tujuan lawatan ini adalah untuk ____3____pengetahuan. Lawatan ini diringi oleh tiga orang guru.

Kami ____4____pada 8.30 pagi. Perjalanan ke Kuala Lumpur telah mengambil ____5____dua jam. Pelbagai ____6____telah dilakukan di dalam bas seperti menyanyi dan ___7___permainan keci.

Kami ____8____di Muzium Negara pada pukul 10.20 pagi. Di Muzium Negara, kami mengetahui ___9___rakyat Malaysia. Kami sempat ____10 maklumat penting.

Selepas itu, kami makan di Tasik Perdana. Selepas makan, kami mengunjungi Pasar Budaya. Kami membeli ___11___sebagai buah tangan.

Semasa waktu pulang, kami singgah di Putrajaya. Kami ___12___akan keindahan Putrajaya. Kira-kira pada pukul 6.30 petang, kami tiba di sekolah.

Laporan disediakan oleh, 14 Februari 2010

(ANAND A/L KUMAR)
Setiausaha
Persatuan Bahasa Malaysia

bermain	kagum	mencatat
bertolak	singgah	aktiviti
cenderamata	belajar	masa
sejarah	memperluas	Februari